

01 SEP 1997

Umno-Perhimpunan
PERHIMPUNAN AGUNG UMNO "PANAS"

Oleh: Azman Hashim

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Walaupun pada jangkakan awal Perhimpunan Agung Umno kali ini hambar kerana ketiadaan pemilihan, kemunculan beberapa isu menarik akhir-akhir ini termasuk adanya golongan dianggap "pengkhianat" kepada ekonomi negara, menjadikannya sesuatu yang dinanti-nantikan.

Kegiatan spekulator penyangak yang cuba meruntuhkan ekonomi negara, dakwaan kononnya Datuk Seri Anwar Ibrahim terlibat dalam skandal seks dan kegiatan mufti yang mirip kepada pendirian anti-kerajaan, sudah pasti akan mewarnai perhimpunan itu dari Jumaat hingga Ahad ini.

Berlatarbelakangkan isu-isu semasa yang begitu hangat diperbahaskan sejak beberapa minggu terakhir ini, Perhimpunan Agung Umno 1997 yang pada awalnya dijangka tidak begitu signifikan kerana ketiadaan pemilihan jawatan-jawatan parti, kini sangat-sangat dinanti-nantikan kerana ia sudah pasti "panas".

Kehangatan perhimpunan kali ini seperti tahun-tahun sebelumnya, banyak bergantung kepada intipati ucapan dasar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno pada Jumaat.

Seperti lazimnya, Dr Mahathir dalam ucapan dasarnya, akan membangkitkan isu-isu semasa dalam usaha beliau menerangkan kepada anggota perwakilan mengenai masalah-masalah yang sedang dihadapi parti dan negara serta langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil bagi menanganinya.

Sebagai parti yang menunjangi pemerintahan negara, anggota Umno sudah pasti akan memberi reaksi positif kepada ucapan dasar pemimpinnya dengan mengemukakan pelbagai cadangan, sekaligus menjadikan perhimpunan kali ini lebih "panas" dengan sasaran ditujukan kepada pencetus isu-isu yang sedang melanda negara ini.

Siapakah spekulator penyangak itu? Berdasarkan jawapan-jawapan yang diberikan oleh Dr Mahathir ketika ditanya pemberita, mereka terdiri daripada pengurus dana-dana asing yang melakukan manipulasi terhadap mata wang negara dan Bursa Saham Kuala Lumpur sehingga ekonomi negara yang dibina selama 40 tahun terjejas sebanyak 10 peratus dalam masa tidak sampai sebulan.

Golongan yang menggelar diri mereka cendekiawan ekonomi berpendapat kegiatan spekulator-spekulator penyangak itu merupakan lumrah dunia perniagaan tetapi persoalannya wajarkah kelumrahan dunia perniagaan dijadikan senjata untuk menjahanamkan ekonomi sesebuah negara seperti Malaysia yang tidak berdaya melawan.

Bagi menjawab pendapat mereka, Perdana Menteri telah berkali-kali berkata bahawa beliau boleh menerima jika ia hanya kegiatan spekulasi tetapi apa yang sedang berlaku di negara ini sudahpun sampai kepada tahap manipulasi.

Katanya kerajaan mempunyai bukti kukuh bahawa apa yang berlaku sekarang sudahpun melampaui batasan spekulasi dan yang lebih mengecewakan beliau apabila mengetahui golongan kaya yang begitu banyak menikmati faedah daripada kemakmuran negara ini turut terlibat.

Sambil menyifatkan spekulator penyangak dan golongan kaya itu sebagai "pengkhianat" ekonomi negara, Dr Mahathir dalam perutusan sempena Hari Kebangsaan yang ke-40, telah mengajak rakyat supaya menanam semangat patriotik bagi memastikan penjajah tidak kembali menjajah seperti yang dapat dilihat sekarang ketika mereka sedang berusaha untuk menguasai ekonomi negara.

Dalam pada negara sibuk membincangkan soal ekonomi, timbul pula cerita mengenai sepucuk surat yang dihantar kepada Perdana Menteri bagi menceritakan perihal skandal seks yang melibatkan Anwar.

Dr Mahathir, ketika ditanya pemberita mengenai kesahihan cerita itu, berpendapat ia merupakan fitnah golongan yang cuba menghalang Anwar daripada menggantikan beliau sebagai Perdana Menteri kerana mereka begitu yakin bahawa Anwar merupakan penggantinya.

Perdana Menteri, yang mengakui telah membaca surat itu, berpendapat hanya orang yang bodoh sahaja akan mempercayai kandungan surat itu, lebih-lebih lagi setelah siasatan menunjukkan orang yang dikatakan penulisnya telah mengakui kandungan surat itu tidak benar.

Anwar pula, ketika diminta reaksinya, mendedahkan mengenai kegiatan golongan tertentu cuba menjatuhkan beliau secara terancang dan sistematik melalui surat-surat seperti itu yang banyak beliau terima setiap kali menjelang Perhimpunan Agung Umno atau pilihan raya.

Kalau pada beberapa perhimpunan agung sebelum ini Perdana Menteri sentiasa membelasah penulis-penulis surat layang, dengan timbulnya perihal skandal seks ini, sudah pasti Dr Mahathir terpaksa sekali lagi menyuarakannya.

Isu mufti dan fatwa juga dijangka mewarnai perhimpunan agung kali ini lebih-lebih lagi selepas Dr Mahathir menyatakan rasa tidak setujunya dengan cara Jabatan Agama Islam Selangor menangani isu gadis Islam menyertai pertandingan ratu cantik dan langkah Jabatan Agama Islam Sarawak melarang peserta Islam menyertai pertandingan bina badan di negeri itu.

Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno bulan lepas juga membuat keputusan untuk mengkaji semula cara pelaksanaan undang-undang syariah di negara ini serta bidang kuasa dan peranan mufti dan pegawai-pegawai agama.

Dr Mahathir pula dijadual menemui mufti-mufti esok bagi menerangkan pendirian kerajaan berhubung perkara itu dan memperbetulkan persepsi mereka serta cara sepatutnya fatwa dikeluarkan bagi mengelak kekeliruan di kalangan umat Islam.

Perhimpunan Agung Umno kali ini akan disertai 1,905 anggota perwakilan -- 1,800 dari bahagian dan bakinya anggota MT serta wakil Pergerakan Pemuda dan Wanita.

Pada Khamis pula, Anwar selaku Timbalan Presiden Umno, akan merasmikan serentak Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita.

Selepas perasmian perhimpunan agung pada pagi Jumaat oleh Dr Mahathir, para perwakilan akan menghadiri Perhimpunan Agung Khas pada petangnya bagi mengeluarkan perkataan "Baru" pada nama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau Umno.

Hanya pada 6 dan 7 Sept perwakilan mula membahaskan usul ucapan presiden, usul ekonomi yang turut meliputi isu sosial dan pendidikan serta usul agama. Selamat bersidang. -- BERNAMA

AH MAI